




SJK (C) WU TECK, KLANG

e-SPeDIP 2021
9-SEMINAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI DALAM PENDIDIKAN 2021
PERINGKAT KEBANGSAAN
Kelestarian Penyelidikan Pendidikan Dan Inovasi Ke Arah Revolusi Industri 4.0 Dalam Mendepani Pandemik Covid-19
14 – 15 September 2021
<http://www.spedip.com/e-spedit2021>
<http://ipgks.moe.edu.my>

Anjuran: Koperasi Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri, Sarawak
 Dengan Kerjasama: Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri, Sarawak

Sokongan : sarawak energy BAYU MALAM KEMERIAH PNB

KAYU BEKAS NAHU (KBN)



ABSTRAK

“KAYU BEKAS NAHU” (KBN) merupakan satu inovasi baharu yang dapat membantu meningkatkan lagi kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu terutamanya dalam bidang tatabahasa (Nahu). Fokus utama projek ini ialah bagi **menambahkan reka bentuk secara universal untuk meningkatkan lagi kualiti pembelajaran di dalam kelas**. Inovasi ini membantu murid menggunakan imaginasi mereka semasa menggunakan cawan yang berbeza ini. Murid-murid juga boleh menggunakannya sebagai perluasan ayat subjek dan predikat, permainan bahasa, atau hanya untuk mendedahkan murid kepada perbendaharaan kata yang baharu.

OBJEKTIF

1. Menghasilkan inovasi terkini yang dinamakan sebagai KBN kerana inovasi ini bukan sahaja permainan pengujian semata-mata malahan boleh juga dijadikan **permainan dalam pembelajaran**.
2. **Menghasilkan satu inovasi baharu yang mudah, selamat dan boleh dibawa ke mana-mana** bagi menghasilkan KBN tanpa mengira umur murid; sama ada murid tadika, pra sekolah mahupun murid berkeperluan khas.
3. **Meningkatkan minat murid** terhadap pembelajaran Bahasa Melayu khususnya di sekolah tadika, pra sekolah, sekolah rendah termasuk kepada murid-murid berkeperluan khas di samping dapat menghasilkan idea-idea bernas yang lain dengan mudah dan selamat digunakan. Contohnya, batang aiskrim kayu boleh diwarnakan mengikut kategori kata terlebih dahulu untuk membezakan setiap golongan kata yang ditulis dengan betulnya.
4. **Menggalakkan keterlibatan** murid-murid di dalam kelas.
5. **Memperbaiki ejaan** murid ketika menulis golongan kata yang ada di dalam buku latihan.

KUMPULAN SASARAN

Murid-murid sekolah rendah.

LATAR BELAKANG

Seperti yang telah digariskan dalam PPPM 2013-2025, penguasaan Selaras dengan pelaksanaan PPPM 2013-2025, Dasar MBMMBI memfokuskan usaha memartabatkan BM bagi melahirkan masyarakat yang mampu berkomunikasi dengan berkesan, bersatu padu serta dapat menjana daya saing hingga ke peringkat antarabangsa.

Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) semakan 2017 bahawanya pendekatan didik hibur merupakan satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Unsur keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghibur, bermakna dan memikat yang dapat membantu memperkukuh pemahaman dan mendorong murid untuk belajar. Didik hibur dilaksanakan mengikut konteks isi kandungan mata pelajaran serta menggunakan kepelbagaian strategi dan bahan pengajaran dan pembelajaran yang dapat menimbulkan cabaran, rasa ingin tahu, kawalan, fantasi, kerjasama, persaingan sihat dan pengiktirafan. Pendekatan ini dilaksanakan merentas kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa.


MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI

- .Membaca dan menulis dijalankan telah dikenal pasti. Pertama, murid-murid sekolah rendah sangat lemah dalam membaca Bahasa Melayu. Mereka berhenti pada perkataan-perkataan tertentu kerana mereka tidak tahu menyebutnya dan tidak dapat membaca dengan fasih dan betul.
- .Murid tidak ada motivasi ketika membaca. Mereka tidak tahu akan kepentingan membaca dalam pembelajaran.
- .Mereka juga hilang minat membaca apabila teks bacaan panjang dan kandungannya tidak menarik. Selain itu, mereka tidak memahami teks yang dibaca.
- .Murid yang tercicir daripada arus perdana pembelajaran di sekolah adalah akibat faktor pembentukan dan penggunaan amalan berbahasa yang tidak baku.
- .Kekurangan pengalaman dan pergaulan yang tidak sihat menjadikan murid lebih terdedah kepada pertuturan dan amalan penggunaan bahasa daerah, bahasa pasar juga sebagai penyumbang kepada permasalahan pembelajaran Bahasa Melayu.

INOVASI YANG DILAKSANAKAN

- .Pen penanda, batang aiskrim kayu, cawan kertas.
- Buku latihan murid (untuk menulis)

KEBERKESANAN



POTENSI UNTUK DISEBARLUASKAN KEPADA PIHAK LAIN

1. Untuk menghasilkan material atau bahan alternatif bagi menarik minat murid-murid dalam pembelajaran bahasa terutamanya bahasa kedua bagi murid SJK.
2. Penghasilan Kayu Bekas Nahu (KBN) ini adalah inovasi yang terkini, paling mudah, selamat dan boleh dibawa dengan selesa untuk permainan di rumah mahupun di sekolah.
3. Inovasi *KBN* merupakan produk mesra alam, cantik dan mudah untuk dibawa atau dijual dengan harga yang mampu dimiliki oleh semua dalam pasaran terbuka.



CIKGU SYAFIQ

SHAN HONG

AN HAN

JIA XUAN

QI XUAN

GUAN HAO